

Kursus Peningkatan Ilmu
Dalam Pengajaran Sejarah

**Pembinaan Soalan
Dan
Analisis Item**

**Oleh
Mohamad Fauzi Yunus**

Anjuran

Unit Kurikulum
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

1-3 Julai 1996
Dewan Seri Seputih,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Jalan Sultan Salahuddin
Kuala Lumpur.

Pengenalan

Dalam sistem pendidikan, penilaian atau pengujian amat penting kerana ia menilai proses pengajaran-pembelajaran. Tujuannya berbagai-bagai. A. E. Ashworth (1982) dalam *Testing for Continuous Assessment: A Handbook for Teacher in School and College* (London: Evans, Yorkshire) memberi tujuh tujuan pengujian/penilaian iaitu untuk dorongan, diagnosis, menilai, memilih, melapor, membanding dan meramal.

Dalam sistem penilaian/pengujian, pelbagai cara digunakan: melalui peperiksaan, kerja kursus, gerak kerja berkumpulan, projek dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kebanyakan cara penilaian/pengujian melibatkan soalan-soalan. Oleh itu, adalah penting untuk diberi perhatian kepada aspek-aspek kemahiran pembinaan soalan. Tambahan pula, dalam perkembangan sistem pendidikan kita sekarang, yang peperiksaan awam secara berpusat adalah salah satu komponen penting, yang mahu diterapkan kepada pelajar dan yang mahu dicungkilkan daripada pelajar antaranya adalah kemahiran-kemahiran kognitif.

Jenis-jenis Soalan

Secara umumnya terdapat dua jenis soalan untuk tujuan penilaian/pengujian iaitu soalan objektif dan subjektif (esei).

Soalan objektif dipanggil "objektif" kerana cara memeriksanya adalah objektif iaitu dibuat dengan tepat dan tidak memerlukan pertimbangan-pertimbangan subjektif (Isahak Haron, 1982). Manakala soalan subjektif pula dinamakan "subjektif" kerana cara memeriksanya agak subjektif.

Soalan Objektif

Ada pelbagai jenis soalan objektif. Antaranya soalan berjawapan pendek, soalan melengkapkan jawapan pendek, soalan tindak balas alternatif, soalan memadankan dan soalan aneka pilihan (lihat Lampiran I). Walau bagaimanapun, yang sinonim dengan soalan objektif ialah soalan aneka pilihan kerana apabila disebut "soalan objektif" kita selalu merujuk kepada soalan aneka pilihan. Dalam makalah ini, soalan aneka pilihan ini yang akan diberi tumpuan dan istilah "objektif" akan digunakan.

Dalam soalan objektif, diberi satu "masalah" dan beberapa pilihan jawapan kepada masalah itu. Pelajar dikehendaki memilih satu jawapan yang betul atau tepat. Masalah itu boleh dinyatakan dalam bentuk soalan atau pernyataan (statement) yang tidak lengkap. Ini dipanggil "stem".

Aktiviti pelajar terbatas pada pemilihan jawapan yang betul atau tepat sekali daripada beberapa pilihan yang diberi itu. Maknanya, pelajar tidak mempunyai ruang untuk memberi pendapat sendiri dalam bentuk komunikasi *interpersonal* dengan pemeriksa. Jika mahu dikatakan juga bahawa dalam menjawab soalan objektif pelajar turut memberi pendapat, itu hanya dalam bentuk komunikasi *intrapersonal* sahaja, iaitu memberi pendapat dalam kerangka pilihan-pilihan yang mudah ditentukan.

Prinsip-prinsip Asas Pembinaan Soalan Objektif

Sesetengah orang merasakan bahawa pembinaan soalan objektif adalah lebih mudah. Pendapat ini tidak benar. Berbanding dengan soalan subjektif, pembinaan soalan objektif lebih rumit. Ada beberapa prinsip asas yang perlu diambil kira dalam pembinaan soalan-soalan objektif:

1. Elakkan penggunaan perkataan yang membawa maksud negatif dalam soalan dan jaapan (jika boleh) seperti *salah*, *bukan*, *kecuali* dan *tidak*. *Tidak mahu* boleh digantikan dengan *enggan* dan *tidak dapat* boleh digantikan dengan *gagal*. (Lihat contoh 1, 2 dan 3).
2. Pernyataan, petikan dan maklumat seperti peta, rajah, jadual dan sebagainya hendaklah mempunyai perkaitan langsung dengan soalan. Jika tidak ada perkaitan langsung, masukkan pernyataan sebelum soalan ditanya. (Lihat contoh 6).
3. Elakkan penggunaan rangkai kata yang berulang dalam setiap pilihan jawapan (lihat contoh 5). Pengulangan satu perkataan dibolehkan (lihat contoh 6).
4. Dalam sesuatu soalan, pilihan jawapan hendaklah:
 - a. seragam (lihat contoh 8 dan bandingkan dengan contoh 7)
 - b. hampir sama panjang (lihat contoh 8)
5. Soalan seharusnya mengandungi *preamble* iaitu pernyataan awal atau pernyataan pengenalan sebelum ditanya soalan.
6. Fokus utama soalan hendaklah ada kaitan dengan idea utama yang hendak ditanya dalam soalan. Manakala setiap pilihan jawapan hendaklah ada kaitan (sama ada kaitan betul atau kaitan salah) dengan idea yang hendak ditanya dalam soalan (lihat contoh 8 dan bandingkan dengan contoh 7 serta lihat contoh 10 dan bandingkan dengan contoh 9).
7. Pernyataan dalam setiap soalan boleh terdiri daripada dua ayat (lihat contoh 9 dan 10).
8. Tatabahasa hendaklah konsisten dalam semua pilihan jawapan (lihat contoh 4). Tatabahasa juga hendaklah mudah difahami dan tidak mengelirukan.
9. Pilihan jawapan tidak berupa ayat kompleks, terlalu panjang dan berbelit-belit.
10. Selain jawapan yang betul atau tepat, pilihan jawapan hendaklah ada *distractors*.
11. Elakkan daripada menanyakan soalan tentang konsep atau definisi (lihat contoh 11).
12. Elakkan penggunaan bahasa asing yang tidak lazim dan sukar difahami (lihat contoh 12).

Jadual Penentuan Ujian (JPU)

Tujuan penilaian/pengujian bukan sekadar untuk mendapatkan angka-angka (markah). Yang penting ialah signifikan angka-angka itu sama ada menunjukkan peningkatan prestasi atau penurunan prestasi, dan lebih jauh daripada itu ialah mengesan kemahiran pelajar. Dengan itu, penilaian/pengujian mesti ada organisasinya supaya sistematik. Dengan makna lain, mesti ada perancangan dalam penilaian/pengujian. Jika tidak ada perancangan, agak sulit untuk mengesan kemahiran-kemahiran tertentu.

Supaya penilaian/pengujian mempunyai organisasi yang sistematik, penetapan satu Jadual Penentuan Ujian (JPU) adalah sangat berguna. Melalui JPU kita dapat merancang apa yang ingin kita tanya: bentuk-bentuk kemahiran tertentu, topik-topik tertentu, taburan soalan dan sebagainya. Contoh JPU, lihat Lampiran 3.

Kita selalunya agak menyempitkan konsep dan kandungan JPU dengan mensinonimkan JPU dengan item-item taksonomi Bloom. Item-item yang dibina dalam JPU tidak semestinya mengandungi aras-aras kognitif Taksonomi Bloom semata-mata. Guru boleh juga membina item sendiri berdasarkan apa yang hendak ditanya (lihat Lampiran 4i dan 4ii)

Taksonomi Bloom

Benjamin Bloom (1956) dalam *Taxonomy of Educational Objectives: Handbook I: Cognitive Domain* (New York: David McKay) telah memperkenalkan satu hierarki kognitif yang disusun dari aras rendah hingga ke aras tinggi iaitu aras *pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis* dan *penilaian*. Taksonomi ini terkenal dengan nama Taksonomi Bloom (lihat Lampiran 5).

1. Pengetahuan

Aras kognitif yang terendah yang melibatkan proses mengingat kembali maklumat, fakta, definisi dan sebagainya.

Contoh:

Bilakah Malaysia mencapai kemerdekaan?

2. Pemahaman

Aras kognitif yang melibatkan proses mula mengembangkan pemikiran. Pada aras ini pelajar menyatakan idea-idea utama dalam perkataan mereka sendiri.

Contoh:

Ahli-ahli sejarah menggunakan sumber arkeologi untuk mengkaji sejarah purba yang tidak mempunyai sumber bertulis.

Sumber arkeologi berkaitan dengan

A bahan-bahan peninggalan masyarakat dahulu yang tertanam dalam bumi.

B benda-benda yang dijumpai oleh ahli arkeologi dalam usaha cari gali.

C barang-barang yang mempunyai ukiran dan tulisan yang boleh difahami.

D alat-alat perkakas zaman silam yang masih digunakan hingga sekarang.

3. Aplikasi

Pelajar menggunakan pengetahuan dan maklumat (konsep, teori, prinsip, hukum atau prosedur dan sebagainya) yang mereka pelajari serta kefahaman mereka tentang pengetahuan dan maklumat itu, dan kemudian diaplikasikan dalam satu situasi baru.

Contoh:

Pada tahun 1974, bapa Ahma ingin melancong ke negara China tetapi gagal.

Yang manakah berikut menerangkan dengan tepat tentang kegagalan bapa Ahmad itu?

A Beliau membatalkan lawaannya kerana sebab-sebab tertentu.

B Beliau sukar mendapat kebenaran daripada kerajaan.

C Beliau enggan mematuhi peraturan imigresen.

D Beliau belum menyiapkan dokumen perjalanannya.

4. Analisis

Aras kognitif yang menunjukkan bahawa pelajar boleh mengasingkan idea-idea ke dalam komponen-komponennya yang berasingan dan mereka dapat menunjukkan yang mereka memahami hubungan antara komponen-komponen itu. Dalam proses analisis, pertimbangan dan penghakiman adalah satu cara yang penting bagi mendapatkan satu kesimpulan. Kesimpulan itu mempunyai bukti-bukti atau hujah-hujah.

Contoh:

Tuk Janggut	Terkorban
Datuk Maharaja Lela	Dibunuh
Haji Abdul Rahman Limbong	Dibuang ke Makkah


Mengapakah perjuangan tokoh-tokoh di atas menemui kegagalan?

- A Perjuangan kurang tersusun.
- B Perjuangan atas kepentingan peribadi.
- C Perjuangan mendapat tentangan sultan.
- D Perjuangan bersifat setempat.

5. Sintesis

Aras kognitif yang menghendaki pelajar menggunakan imaginasi dan pemikiran dengan mencantumkan unsur-unsur yang terdapat pada sesuatu untuk menghasilkan sesuatu yang baru.

Contoh:



Rajah di atas menggambarkan susun lapis masyarakat Melayu Melaka pada abad ke-15.

Yang manakah berikut mempunyai kaitan yang paling tepat dengan golongan-golongan di atas?

- A Mereka mempunyai peranan masing-masing.
- B Mereka dilarang mengubah taraf hidup sama sekali.
- C Mereka tinggal di kawasan yang berlainan.
- D Mereka jarang berhubung satu sama lain.

6. Penilaian

Aras kognitif yang menghendaki pelajar melakukan penilaian, diskriminasi, memberi rasional dan menyatakan pendapat dengan alasan-alasan tertentu.

Contoh:

Ketika mengiringi sultan berangkat, Temenggung memilih tempat duduk di atas kepala gajah.

Temenggung memilih tempat berkenaan kerana

- A beliau pandai menggembalai gajah.
- B beliau mesti melindungi sultan daripada bahaya.
- C beliau mahir dengan selok-belok jalan.
- D beliau seorang yang gagah berani.

Lampiran 1

Jenis-jenis Soalan Objektif

- a. Soalan berjawapan pendek.

Contoh:

Bilakah Malaysia mencapai kemerdekaan?

- b. Soalan melengkapkan jawapan pendek.

Contoh:

Pengasas Kesultanan Melayu Melaka ialah _____.

- c. Soalan tindak balas alternatif.

Contoh:

Melaka mencapai kegemilangan kerana mempunyai pemimpin yang cekap.

B S

* B = Betul S = Salah

- d. Soalan memadan

Padankan antara pernyataan dalam ruang A dan pernyataan dalam ruang B.

- e. Soalan aneka pilihan

Lihat contoh dalam Lampiran 2

Lampiran 2

Contoh 1:

Pada tahun 1826, Perjanjian Burney ditandatangani antara British dan Siam.

Antara berikut yang manakah *bukan* kesan Perjanjian Burney 1826?

- A Negeri Kedah kekal sebagai tanah jajahan Siam.
- B Sultan Kedah dibenarkan menetap di Pulau Pinang.
- C Kepentingan pedagang-pedagang British di Bangkok dilindungi.
- D Siam tidak menepati syarat Perjanjian Burney.

Contoh 2:

Orang Iban mempunyai adat perkahwinan yang tersendiri.

Antara berikut yang manakah *tidak benar* tentang adat perkahwinan orang Iban?

- A Berkenalan sebelum pihak perempuan membuat keputusan.
- B Memasang api di pendiangan jika gadis tidak menyukai lelaki.
- C Memotong dan mempersembahkan seekor ayam putih.
- D Membelah sebiji pinang kepada tujuh ulas dan meletakkannya dalam talam.

Contoh 3:

Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1971 telah mengemukakan beberapa syor.

Berikut ialah syor-syor kongres berkenaan *kecuali*

- A pakaian Melayu dijadikan pakaian kebangsaan.
- B penyelidikan perlu dibuat bagi mengkaji kebudayaan dengan lebih mendalam.
- C sukatan pelajaran harus merangkumi hal ehwal Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- D pelajaran agama diwajibkan di semua jenis sekolah.

Contoh 4:

Seruan Gerakan X	<ul style="list-style-type: none">▪ Menyeru orang Melayu menerima pendidikan Barat▪ Menggesa orang Melayu membuang adat dan kepercayaan yang menghalang kemajuan.▪ Mengingatkan orang Melayu agar tidak menerima ajaran-ajaran guru agama begitu sahaja.
------------------	--

Maklumat di atas merujuk kepada seruan sebuah gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada maklumat di atas?

- A Menggunakan akal bagi mencari kebenaran dan kemajuan.
- B Menekankan pelajaran agama Islam semata-mata.

- C Membuang adat dan kepercayaan karut.
- D Menolak ajaran ulama silam kerana dianggap kolot.

Contoh 5:

Sukan merupakan satu alat untuk memupuk perpaduan dan persefahaman kaum kerana ia dapat

- A menjalin perasaan muhibah di kalangan rakyat.
- B meninggikan taraf hidup belia.
- C membentuk identiti kebangsaan.
- D mengekalkan perasaan saling mempercayai antara kaum.

Contoh 6:

Jepun bersikap kejam terhadap kaum Cina berbanding dengan kaum lain pada peringkat awal mereka memerintah Tanah Melayu.

Mengapakah Jepun bersikap demikian?

- A Kerana khuatir akan gerakan bawah tanah orang Cina.
- B Kerana negara Jepun masih berperang dengan negara China.
- C Kerana kaum Cina yang menguasai ekonomi Tanah Melayu.
- D Kerana kaum Cina menunjukkan taat setia kepada Inggeris.

Contoh 7:

Selepas datang ke Goa pada tahun 1503, Alfonso d' Albuquerque pernah menulis bahwa sekalipun ada dunia dan jalan laut yang lain tetapi semua orang akan tetap mengunjungi Melaka kerana di sana terdapat pelbagai jenis ubat-ubatan dan rempah. Pelabuhannya pula terselamat daripada angin monsun berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain.

- Joginder Singh (1975)

Apakah kesan penting kenyataan Alfonso d' Albuquerque itu ke atas Melaka?

- A Melaka semakin maju dalam perdagangan.
- B Armada Portugis mengunjungi Melaka.
- C Melaka menjadi semakin lemah.
- D Portugis telah menawan Melaka.

Contoh 8:

Apakah kesan penting kenyataan Alfonso d' Albuquerque itu ke atas Melaka?

- A Melaka semakin maju dalam perdagangan.
- B Melaka dikunjungi oleh armada Portugis.
- C Melaka menjadi semakin lemah.

D Melaka ditawan oleh Portugis.

Contoh 9:

British telah menandatangani perjanjian sulit dengan Siam pada tahun 1903. Dalam perjanjian itu, British enggan mengundang wakil kerajaan Kelantan.

Mengapakah British mengambil tindakan sedemikian?

- A Siam telah memberi amaran kepada British.
- B Kelantan dianggap berada di bawah kekuasaan Siam.
- C British tidak mempunyai wakil untuk memaklumi Kelantan.
- D Sikap Sultan Kelantan telah menyinggung British.

Contoh 10:

British telah menandatangani perjanjian sulit dengan Siam pada tahun 1903. Dalam perjanjian itu, British enggan mengundang wakil kerajaan Kelantan.

Mengapakah British mengambil tindakan sedemikian?

- A British mendapat amaran daripada Siam.
- B British menganggap Kelantan di bawah kekuasaan Siam.
- C British tidak mempunyai wakil untuk memaklumi Kelantan.
- D British tersinggung dengan sikap Sultan Kelantan.

Contoh 11:

Pada akhir abad ke-19, bangsa-bangsa Eropah giat menjalankan dasar imperialisme?

Apakah **maksud** imperialisme?

Contoh 12:

Ekskavasi adalah salah satu kaedah mengumpul fakta dalam sejarah. Yang manakah berikut berkaitan dengan **ekskavasi**?